

STPM Kertas 1 2015:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Maksud liabiliti luar jangka seperti yang dinyatakan dalam MFRS 137 dan dua contoh liabiliti luar jangka:

Liabiliti luar jangka merujuk kepada obligasi yang mungkin wujud daripada peristiwa masa lalu dan akan disahkan sebagai liabiliti atau tidak apabila sesuatu peristiwa masa hadapan yang bukan di bawah kawalan entiti perniagaan berlaku atau tidak berlaku.

Dua contoh liabiliti luar jangka:

1. Kes mahkamah di mana pembayaran ganti rugi akan menjadi liabiliti bergantung kepada keputusan mahkamah.
2. Jaminan bank yang diberikan oleh perniagaan bagi pinjaman perniagaan lain. Jaminan ini akan menjadi liabiliti perniagaan apabila perniagaan lain gagal membayar balik pinjaman.
3. Perubahan dalam polisi kerajaan yang mungkin berlaku dan ini memerlukan perbelanjaan perlu dibuat oleh perniagaan.

Nota:

Peruntukan untuk waranti adalah satu liabiliti dan bukan liabiliti luar jangka. Secara umumnya, waranti adalah satu peristiwa yang lazim berlaku dalam sesebuah perniagaan. Lagipun, ia memenuhi semua kriteria definisi dan pengiktirafan liabiliti yang diberikan dalam rangka kerja konseptual perakaunan. Penjelasan:

Kriteria definisi:

Wujud obligasi semasa? Wujud dengan jualan produk dengan waranti

Wujud daripada urusan niaga yang telah berlaku? Jualan produk dengan waranti

Perlu dijelaskan pada masa hadapan? Dijelaskan apabila ada tuntutan waranti pada masa hadapan.

Kriteria pengiktirafan:

Kebarangkalian penjelasan dilakukan pada masa hadapan? Boleh dianggarkan secara kepastian berdasarkan kepada pengalaman tahun-tahun lepas.

Boleh diukur secara kepastian? Akaun boleh dianggarkan secara kepastian berdasarkan kepada pengalaman tahun-tahun lepas.

- (b) (i) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2013		RM	RM
Dis 31			
(1)	Tiada catatan		
(2)	Tiada catatan		
(3)	Belanja faedah Faedah belum bayar (Merekod belanja faedah belum bayar)	39,500	39,500
(4)	Belanja gaji Caruman KWSP Cukai Pendapatan Gaji belum bayar (Merekod gaji, caruman KWSP dan cukai pendapatan belum bayar)	75,200	8,272 3,760 63,168

(5)	Belanja gaji Caruman KWSP (Merekod caruman KWSP majikan belum bayar)	9,024	9,024
(6)	Belanja cukai Cukai belum bayar (Merekod cukai belum bayar pada akhir tahun)	43,300	43,300
(7)	Bank Bon 8% (Merekod terbitan bon 8% bagi pembiayaan ubahsuai bangunan)	300,000	300,000
(8)	Belanja utiliti Utiliti belum bayar (Merekod bil-bil utiliti belum bayar)	3,500	3,500
(9)	Belanja bonus Bonus belum bayar (Merekod bonus perlu bayar)	184,500	184,500

(ii) Bahagian liabiliti di penyata kedudukan kewangan:

	RM	RM
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	228,000	
Lain-lain belanja terakru	23,000	
Nota belum bayar (Matang 2014)	18,000	
Faedah belum bayar	39,300	
Gaji belum bayar	63,168	
Caruman KWSP (8,272 + 9,024)	17,296	
Cukai pendapatan pekerja	3,760	
Cukai belum bayar	43,300	
Utiliti belum bayar	3,500	
Bonus belum bayar	184,500	623,824
Liabiliti bukan semasa:		
Nota belum bayar	530,000	
Bon 8%	300,000	830,000